

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 30.11.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sekolah SMK Desa Wawasan di Tambunan yang telah diluluskan cadangannya oleh pihak Kerajaan dua tahun yang lalu dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan gantian penuh SMK Desa Wawasan Tambunan telah diluluskan dalam RMKe-9 tetapi tidak dapat dilaksanakan atas sebab isu tapak. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah telah menyenaraikan semula permohonan pembinaan bangunan SMK Desa Wawasan Tambunan dalam RMKe-11 dan projek ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan 3*. Urusan permohonan pengambilan tapak/tanah SMK Desa Wawasan telah pun selesai dan kini dalam proses pemberi milikan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Kebenaran masuk tapak telah pun diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Ukur Sabah bagi membolehkan projek dimulakan di tapak.